

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI AHAD, 24 APRIL 2016**

**YB CIK WONG SHU QI (SENAI)**

SOALAN 10 (A68)

Apakah rancangan kerajaan untuk memulih semula alam sekitar kawasan tadahan air yang dikelilingi aktiviti pertanian?

**YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)**

SOALAN 11 (A232)

Nyatakan usaha pihak kerajaan terhadap pengawalan kawasan tadahan air (Catchmen area) dan tindakan kepada golongan yang menceroboh kawasan tadahan air seperti penanaman kelapa sawit.

**JAWAPAN YB DATUK IR HASNI BIN MOHAMAD**

(Jawapan bersekali untuk soalan A68 &amp; A232)

Kerajaan Negeri akan mewujudkan zon penampungan pada jarak antara 100meter hingga 200meter di sekeliling kawasan tadahan air dengan kawasan tanah individu sama ada kawasan pertanian ataupun kawasan pembangunan lain. Kawasan-kawasan ini akan dipastikan pembangunannya selari dengan fungsi kawasan tadahan.

Kerajaan Negeri melalui BAKAJ akan mengambil tindakan sewajarnya sekiranya ada golongan yang menceroboh kawasan tadahan air berdasarkan Kanun Tanah Negara dan melalui penguatkuasaan berdasarkan Enakmen Air 1921 (Pindaan 2014).

Sekiranya didapati terdapat tanaman kelapa sawit atau apa jua tanaman yang boleh mengganggu kebolehpayaan bekalan air mentah dalam kawasan tadahan, tanaman-tanaman tersebut akan dimusnahkan dan sekitarnya terdapat bangunan seperti rumah kediaman, rumah kongsi atau bangsal juga akan dimusnahkan. Tindakan pendakwaan akan dilaksanakan sekiranya penceroboh tersebut masih berdegil.